

Keratan Akhbar bertarikh 8 Jun 2016

Sinar Harian, Malaysia

Selangor jadi perintis

Kerajaan negeri pertama laksana bantuan Smart Selangor Food Stamp

■ AHMAD ISMADI ISMAIL

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor menetapkan Jumaat minggu ketiga setiap bulan hari penyerahan bantuan makanan asas 'Smart Selangor Food Stamp'.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi berkata, hari penyerahan pertama akan dilakukan serentak di 56 Dun seluruh Selangor, 17 Jun ini.

"Program ini inisiatif Kerajaan Selangor dan negeri yang pertama di Malaysia melaksanakannya.

"Program ini diwujudkan bagi membantu meringankan kos sara hidup golongan masyarakat yang berpendapatan rendah dan miskin serta mempunyai anak-anak dan tanggungan yang ramai," katanya.

Beliau berkata, tanggungjawab Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) setiap Dun adalah mengenal pasti dan mendapatkan senarai nama

mereka yang benar-benar layak selain menetapkan lokasi agihan bantuan tersebut.

"Melalui pelaksanaan program hasil cetusan idea Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang dibentangkan dalam Belanjawan 2016 pada sidang Dewan Negeri Selangor November tahun lalu, seramai 5,600 keluarga termiskin di Selangor akan menerima manfaatnya.

"Ini bermakna, seramai 100 orang akan menerima bantuan ini daripada setiap 56 Dun yang ada di Selangor," katanya.

Menurutnya, bagi menjayakan program ini, kerajaan negeri memperuntukkan dana RM3 juta bagi dikongsi bersama-sama dengan penerima yang layak.



DR DAROYAH

"Penerima bakal menerima bantuan berupa barangan keperluan asas seperti beras 10 kilo, minyak masak, gula, tepung dan lain-lain," katanya.

Daroyah berkata, demi memastikan penerima ini adalah mereka yang benar-benar layak, kerajaan negeri menetapkan kriteria-kriteria yang perlu

dipatuhi.

"Selain lahir di Selangor atau bermastautin di Selangor sekurang-kurangnya 10 tahun (perlu pengesahan Adun, penghulu, pengerusi, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), Pengerusi Taman dan berpendapatan isi rumah RM1,500 ke bawah sebulan dan ia terbuka kepada semua kaum dan merupakan pemilih berdaftar di Dun berkenaan," katanya.